# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## ISNIN / 17 DISEMBER 2018

1. **LESSONS ON RICE BREEDING FROM JAPAN**
   - **NEW STRAITS TIMES**
2. **KOS TERNAKAN PUNCA HARGA TELUR NAIK**
   - **SINAR HARIAN**
3. **RUMAH DAIF DAN HAMPIR ROBOH, NELAYAN HARAPKAN BANTUAN**
   - **UTUSAN MALAYSIA**
4. **‘ KAMI BUKAN PEMALAS ’**
   - **UTUSAN MALAYSIA**
5. **LANDAK JANA REZEKI BESAR**
   - **HARIAN METRO**
6. **KANDANG MUSIM BAH**
   - **HARIAN METRO**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**( MADA )**

**KERATAN AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018**

**PERKARA : PERTANIAN**

---

QUALITY GRAIN YIELDS

# LESSONS ON RICE BREEDING FROM JAPAN



*A padi field in Tanjung Karang, Selangor, is planted with new padi varieties Sempadan 303 and Sebernas 307, introduced by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute in April.* FILE PIC

MALAYSIA's ability to produce superior clones or varieties for food crops is the key factor that attracted many participants to the Fourth International Plant Breeding Conference held recently.

One question was raised: "Breeding rice for better eating quality for consumers: are we there yet?"

Choices of rice varieties grown by farmers, and choices by consumers differ significantly. People have different preferences for the rice they consume.

In the world market, as well as in Malaysia, much emphasis is placed on grain length and whiteness as criteria of grade and quality. However, rice quality is far more complex since it is determined by many parameters such as variety, grain, milling, cooking and eating properties.

As a matter of government policy, farmers' welfare is paramount, so breeding for grain yield and maintenance breeding (for example, pest and disease resistance) remain the prime objectives.

Our rice farmers have always been inundated by the paradox that rice quality traits have negative correlations with grain yield, and consequently, they would spend less effort — or defer — incorporating quality traits for fear of not being able to improve grain yield.

Nonetheless, it is important to ensure that consumers have better rice quality.

Rice sold in retail outlets is produced locally or imported. More than 200,000 metric tonnes of specialty or quality rice — namely Basmathi and Jasmine — are imported annually. They are predominantly marketed according to types or varieties. They possess additional cooking and eating quality attributes, namely fragrance (aroma) and high grain elongation.

Local rice prices are controlled for the benefit of the populace, around RM2.50 per kg, while prices of imported quality rice are floated and are two to five times higher than those of local rice.

In 1984, the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) made a breakthrough when rice farmers discovered a grain elongation characteristic in Mahsuri Mutan, which gives a trait akin to that of Basmathi, that is, the rice grain will elongate up to twice its length when cooked. The discovery triggered the beginning of a breeding programme for quality rice.

By 2005, Mardi had made significant achievements and released its quality rice varieties Q34, MRQ50 and MRQ74, which have aroma and grain elongation characteristic. Their successful development is strong proof that grain yield and quality traits can be bred together.

In the early 1970s, Japan secured total self-sufficiency in rice breeding. However, farmers suffered when rice prices fell sharply due to surplus supply.

To overcome this dilemma, farmers were given the option to revert to the Koshihikari variety and allowed to sell rice to consumers who were willing to buy at the prices set by farmers under the Voluntary Price System.

Developed in 1956, Koshihikari possesses excellent eating quality, but was beset by problems of lodging and blast. Subsequently, farmers improved grain yield and overcame drawbacks. Koshihikari spurred the wide cultivation of quality rice, and it remains popular even after 60 years.

Perhaps we can learn important lessons from the Japanese experience. Herein lies the important role of our rice farmers to play the balancing act.


**MOHAMAD OSMAN**
Senior associate, Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Cyberjaya, Selangor

**HADZIM KHALID**
Former participant in Malaysian Agricultural Research and Development Institute's rice breeding programme

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018**

**PERKARA : PERTERNAKAN**

---

# Kos ternakan punca harga telur naik



Saifuddin Nasution (kanan) menyampaikan zakat kepada penduduk, semalam.

POKOK SENA - Masalah kos ternakan ayam membabitkan 70 peratus daripada kos pengeluaran menjadi punca kenaikan harga telur kebelakangan ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya mengenal pasti kenaikan harga telur antaranya disebabkan oleh kos bekalan makanan ayam yang diimport dan urusan perdagangan dilakukan di negara jiran.

"Berdasarkan rungutan pengusaha ladang telur memberikan alasan bahawa kos makanan ternakan ayam terus meningkat selain makanan ayam yang diimport dari Brazil serta Argentina dan urusan perdagangan dilakukan di Singapura sebelum dibawa masuk ke negara ini.

"Import makanan ayam ini bernilai lebih kurang RM35 bilion setahun, peniaga yang melakukan perdagangan ini tidak ramai kerana bila saya masuk (menjadi menteri) saya teliti perniagaan ini saya dapati hanya ada seramai 25 atau 26 peniaga sahaja," katanya selepas menghadiri majlis penyerahan zakat Suruhanjaya Syarikat Malaysia di sini, semalam.

Bantuan itu diserahkan sempena Program Jualan Rakyat Parlimen Pokok Sena di Padang Awam KEDA, Batu 13, Jalan Kuala Nerang, di sini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengambil langkah drastik bagi memecahkan monopoli atau kartel dalam industri telur.

Menurutnya, pihaknya sudahpun menubuhkan jawatankuasa untuk melihat bagaimana kaedah terbaik mengatasi amalan perdagangan yang tidak berpihak kepada rakyat, sebagai usaha mengawal harga telur dalam jangka masa panjang.

Saifuddin Nasution berkata, pihaknya juga sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi mengenal pasti sebarang elemen anti-persaingan yang mungkin berlaku di dalam pasaran telur ayam tempatan.

"MyCC akan menggunakan segala kuasanya yang ada di bawah Akta Persaingan 2010 untuk bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan yang relevan," katanya.

Sebelum ini, beliau juga berkata, mahu meneliti keperluan untuk menghentikan atau mengehadkan eksport telur ayam berikutan kenaikan harga di pasaran domestik berikutan membenarkan eksport ke negara seperti Singapura, Hong Kong dan Mauritius.

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018**

**PERKARA : PERIKANAN**

---

# Rumah daif dan hampir roboh, nelayan harapkan bantuan

**PASIR PUTEH 16 Dis.** - Ruang dapur rumah milik seorang nelayan tradisional di Pantai Semerak, di sini sudah terlalu daif dan mungkin roboh pada bila-bila masa akibat reput dan dimakan anai-anai.

**Sauti Ishak**, 61, bagaimanapun tidak dapat berbuat apa-apa kerana pendapatannya sekarang tidak menentu, ditambah pula musim laut bergelora pada waktu ini menyebabkan dia langsung tidak dapat turun ke laut.

Menurutnya, dia pernah mengisi borang untuk mendapatkan bantuan baik pulih rumah sebelum *Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14)* lalu, namun namanya tidak tersenarai sebagai penerima bantuan.

"Saya minta sangat-sangat supaya bantuan membaiki rumah diteruskan oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) bagi meringankan beban ditangung nelayan miskin seperti kami. Kerja memukat ketam, memancing dan mencari hasil sungai bukannya mewah.

"Saya telah cuba menabung sedikit wang Elaun Sara Hidup (ESH) untuk nelayan yang diterima untuk membaiki rumah namun belum cukup kerana harga kayu mahal. Upah tukang rumah juga mahal," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Bercerita lanjut, Sauti berkata, bantuan ESH berjumlah RM300 yang masih diperoleh sekarang cukup untuk menampung keperluan harian keluarga sahaja.

"Saya bersyukur ESH masih ada dan bantuan ini perlu dikekalkan sebagai sebahagian pembelaan kerajaan kepada rakyat miskin. Langkah kerajaan melakukan pemutihan dengan memastikan nelayan yang benar-benar berhak menerima bantuan itu amat disokong," katanya.

Seorang nelayan dari Kuala Besar, Kota Bharu, **Baharudin Deraman**, 55, pula berkata, dia berasa lega apabila terpilih sebagai peserta penempatan semula nelayan di Tok Bali dua tahun lalu.

"Saya menangkap ikan menggunakan sampan fiber, kini berhijrah ke Tok Bali dan berpeluang menginap dalam rumah selesa yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini.

"Projek usahasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) dengan kerajaan pusat terdahulu berjaya membela sebanyak 250 nelayan miskin di negeri ini.

"Sebelum ini saya tidak mempunyai rumah dan tanah. Kudrat saya mencari nafkah sekadar dapat menampung keperluan hidup 14 orang anak. Harap-harap kerajaan PH boleh teruskan juga usaha yang sama," katanya.

"Saya telah cuba menabung sedikit wang Elaun Sara Hidup (ESH) untuk nelayan yang diterima untuk membaiki rumah namun belum cukup kerana harga kayu mahal. Upah tukang rumah juga mahal."

SAUTI ISHAK

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018**

**PERKARA : PERIKANAN**

---

# 'Kami bukan pemalas'

Rintihan RAKYAT

Oleh TOREK SULONG
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR PUTEH 16 DIS.

NELAYAN tradisional pantai Semerak, di sini merayu kerajaan Pakatan Harapan (PH) meneruskan skim bantuan Elaun Sara Hidup (ESH) kepada nelayan pada tahun depan dengan menggunakan kaedah yang sama.

Mereka juga memohon supaya bantuan baik pulih rumah nelayan miskin dan lain-lain insentif untuk membantu nelayan keluar dari kepompong kemiskinan diteruskan.

Seorang nelayan, **Razali Sulaiman**, 60, berkata nelayan tradisional yang memukat di persekitaran pantai menggunakan sampan kecil bersyukur kerana masih menerima ESH ketika mereka hilang punca pendapatan sepanjang musim laut bergelora.

"Dengan wang yang sama kami belanjakan untuk membaiki pukat dan sebahagiannya untuk melunaskan hutang pembelian alatan memukat.

"Jangan tuduh kami miskin kerana pemalas kerana dengan kudrat dalam usia tua itulah sahaja yang mampu dilakukan. Kerja memukat dengan sampan fiber tidak pernah menjanjikan pendapatan yang lumayan," katanya ketika di sini semalam.



SETAPA MAT SIN menggunakan waktu senggang ketika laut bergelora untuk membaiki pukat di Pasir Puteh, Kelantan semalam.



RAZALI SULAIMAN

Razali berkata, jika dihitung secara purata, pendapatan harian yang diperolehnya hanya sekitar RM30 hingga RM50 sehari selain terdapat hari tertentu dia pulang tanpa hasil.

Seorang lagi nelayan, **Setapa Mat Sin**, 62, berkata dengan menggunakan bot nelayan pantai Zon A, dia hanya memperoleh pendapatan kasar RM300 sehari dengan modal minyak sahaja sebanyak RM200.

"Paling sedikit kami mendapat pendapatan bersih sebanyak RM100 dan jumlah itu perlu diagihkan pula kepada lima awak-awak yang bekerja di atas bot.

"Itulah hakikatnya yang menuntut kami merayu kepada kerajaan supaya menuruskan ESH dengan pendekatan yang mudah tanpa perlu menggunakan kad atau kaedah canggih semata-mata mahu membeli barangan keperluan," katanya.

Menurut Setapa, para nelayan juga memohon supaya Permit Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PPTMT) dilanjutkan hingga bulan Jun setiap tahun bagi membolehkan mereka memukat udang dengan hasil yang lebih lumayan.

"Lazimnya PPTMT dikeluarkan bermula November hingga April yang membenarkan nelayan kecil menangkap ikan di pesisir pantai.

"Sedangkan bulan November dan Disember kami tidak menjalankan aktiviti menangkap ikan kerana laut bergelora. Jadi kami rugi dua bulan," katanya.

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018**

**PERKARA : PERTERNAKAN**

---



LANDAK yang diternak Abu Samah dan Samsul Bahrin di Kampung Dusat, Jempol.

ZAINAL Fikri (kanan) melihat landak yang diternak dua beradik.

# Landak jana rezeki besar

**■ 2 beradik labur RM100,000 ternak haiwan eksotik walaupun lambat raih hasil**

Alnor Hamizam Abd Manap
cnews@nstp.com.my

Jempol

Penternakan landak mampu menjana pulangan lumayan, tetapi ia membabitkan modal besar dan kesabaran tinggi kerana memerlukan masa sebelum memberikan hasil.

Dua beradik di Kampung Dusat, Abu Samah Mihat, 52, dan abangnya, Samsul Bahrin, 61, sanggup melabur hampir RM100,000 bagi memulakan ternakan haiwan eksotik itu sejak setahun lalu menggunakan wang simpanan sendiri.

Samsul Bahrin berkata, walaupun menternak landak lambat mendatangkan hasil namun haiwan berkenaan mempunyai nilai harga yang tinggi di pasaran sehingga boleh mencecah RM130 sekilogram.

> "Ia tahan lasak dan tahan penyakit serta boleh membesar sehingga 20 kilogram, cuma perlu tunggu sehingga berusia lapan bulan"
> *Samsul Bahrin*

Menurutnya, selain perlu mendapatkan lesen menternak, membeli dan menjual daripada Jabatan Perlindungan dan Hidupan Taman Negara (PERHILITAN), menternak landak sebenarnya sangat mudah.

"Kita cuma perlu siapkan kandang yang bersesuaian bagi pasangan landak dan perlu diberi makanan berasaskan tumbuhan seperti buah atau sayur.

"Ia tahan lasak dan tahan penyakit serta boleh membesar sehingga 20 kilogram, cuma perlu tunggu sehingga berusia lapan bulan," katanya ketika menerima lawatan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Lui, Zainal Fikri Abd Kadir.

Sementara itu, Abu Samah pula berkata, ketika ini hanya ada 10 landak diternaknya yang dibeli dengan harga RM25,000.

Menurutnya, disebabkan ia haiwan eksotik yang payah dicari, dagingnya sentiasa mendapat perhatian dan tidak hairan apabila ada yang sudah bertanya untuk membeli landak ternakannya.

"Kami perlu kembangkan lagi penternakan ini dan berharap kerajaan dapat membantu terutama memberi bantuan baka landak atau anak landak.

"Industri ini mampu memberi pulangan lumayan, malah landak mempunyai pasaran dan nilai komersial yang tinggi untuk pasaran tempatan serta luar negara," katanya.

Sementara itu, Zainal Fikri berkata, pihaknya menerusi kerajaan negeri akan cuba membantu dua beradik berkenaan mengembangkan lagi bidang penternakan landak diusahakan.

Menurutnya, penternakan landak sesuatu yang baru di sini, malah tidak ramai yang berani menceburinya disebabkan memerlukan modal yang besar.

"Mereka sudah memulakan penternakan itu dan yakin kerajaan boleh membantu untuk mengembangkan lagi bidang ternakan yang mereka ceburi itu," katanya.

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018**

**PERKARA : PERTERNAKAN**

---



SEBAHAGIAN lembu yang dilepaskan pemilik masing-masing berkeliaran di sepanjang Jalan Kasban, Pengkalan Kubor.

TENGKUJUH BERTANDANG

# KANDANG MUSIM BAH

*Penternak sedia letak ternakan di lokasi selamat daripada banjir*

Siti Rohana Idris
cnews@nstp.com.my

Tumpat

Musim tengkujuh di negeri ini memaksa penternak membina kandang khas ternakan masing-masing di lokasi lain yang lebih selamat.

Seorang penternak dari Kampung Naga Ibu, di sini, Daud Ismail, 45, berkata, dia membina kandang sementara untuk empat lembu peliharaannya di tepi Jalan Kasban.

Katanya, setiap kali tengkujuh, lebih 10 kampung di sekitar Pengkalan Kubor akan tenggelam dan satu-satunya lokasi yang terselamat adalah sekitar Jalan Kasban.

"Di sepanjang Jalan Kasban adalah lokasi selamat untuk ternakan, bahkan ada juga yang meletakkan kenderaan di situ.

"Rata-ratanya membiarkan saja lembu dan kerbau berkeliaran di situ kerana belum pernah lagi berlaku kecurian, tapi saya bina kandang sementara untuk keselesaan ternakan selain mudah dipantau," katanya ketika ditemui.

Tinjauan dilakukan sekitar jalan itu turut mendapati ternakan yang sudah ditambat di lahan itu sebagai persediaan sebelum banjir buruk dan difahamkan, pemiliknya akan datang 'menjenguk' serta memberi makan.

Daud berkata, dia memantau situasi banjir berdasarkan bacaan paras Sungai Golok dan pekan Rantau Panjang.

"Jika di pekan Rantau Panjang sudah dinaiki air, maka kami di sini akan bersiap untuk pindah atau kemas barang dan letak di tempat selamat," katanya.

DAUD (kiri) membina kandang lembu sementara sambil dibantu rakannya.